KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/11/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	-			

SF
21.11.2021 29

Tanah terbiar ditanam musang king, harumanis

Antara usaha bangunkan lebih 8,000 hektar tanah terbiar di Terengganu

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Kerajaan Terengganu sudah memulakan projek perintis pembangunan tanah terbiar dengan tanaman durian musang king dan mangga harumanis di Setiu.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tanaman itu diusahakan di kawasan Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) Pengkalan Aman, Permaisuri dan RTB Kampung Rahmat, Langkap.

"Projek perintis ini dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri, Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) dan pemilik-pemilik tanah melibatkan seramai 100 orang peserta.

"Dengan pelaksanaan projek ini, kerajaan menyasarkan pendapatan minimum sebanyak RM3,000 sebulan kepada setiap peserta terlibat sekali gus mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan," katanya pada Sabtu.

Tanah terbiar bermaksud tanah milik individu atau syarikat berkeluasan lebih 0.4 hektar yang tidak dimajukan selama tiga tahun berturut-turut. Bagaimanapun, tanah kerajaan tidak dikira sebagai tanah terbiar.

Menurut Dr Azman, kerajaan negeri melalui Bajet 2022 yang dibentangkan pada 15 November lalu meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi melaksanakan program pembangunan tanah terbiar di Terengganu.



DR AZMAN

Beliau berkata, ia merupakan usaha membangunkan lebih 8,000 hektar tanah terbiar yang telah dikenal pasti di seluruh Terengganu agar memberi manfaat kepada negeri dan rakyat.

Menurutnya, usaha pemulihan semula tanah terbiar merupakan salah satu daripada teras tindakan Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023.

"Kerajaan negeri juga sedia memberi pajakan sehingga 20 tahun kepada individu atau syarikat yang berhasrat memajukan tanah terbiar di negeri ini.

"Oleh itu, kita mengalu-alukan permohonan daripada mana-mana pihak yang berminat kerana 8,000 hektar tanah terbiar ini merupakan satu jumlah besar dan merugikan Terengganu," katanya.